

4

Prestasi Mengikut Sektor

Keluaran Dalam Negeri Kasar

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar dijangka pulih pada kadar 4.3% pada tahun 1999 (1998 : -7.5%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan dalam sektor perkilangan, pertanian dan perkhidmatan. Sektor perkilangan mengalami pemulihan ketara dengan nilai ditambah dijangka meningkat 8.9% (1998 : -13.7%), didorong oleh pemulihan dalam industri berorientasikan pasaran

eksport berikutan permintaan yang kukuh daripada AS dan Asia Timur. Pengeluaran industri perkilangan berorientasikan pasaran, dalam negeri juga dijangka pulih, didorong oleh peningkatan ketara dalam pengeluaran industri kelengkapan pengangkutan dan keluaran plastik. Di sektor pertanian, pertumbuhannya terhasil daripada pengeluaran minyak kelapa sawit yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, pengeluaran getah dijangka merosot sebanyak 3%. Nilai ditambah sektor

Jadual 4.1

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Sektor (%)

	1998			1999*		
	Kadar Pertumbuhan	Sumbangan Dari KDNK	Sumbangan Kepada Pertumbuhan	Kadar Pertumbuhan	Sumbangan Dari KDNK	Sumbangan Kepada Pertumbuhan
Pertanian, perhutanan dan perikanan ¹	-4.5	9.4	-5.4	4.6	9.4	10.1
Perlombongan	1.8	8.1	1.8	-1.2	7.6	-2.3
Perkilangan	-13.7	27.9	-54.5	8.9	29.2	58.0
Pembinaan	-23.0	4.0	-14.8	-3.6	3.7	-3.4
Perkhidmatan	-0.8	55.6	-5.8	2.4	54.6	31.3
Tolak Bayaran Perkhidmatan yang dikenakan	-0.6	7.5	-0.5	3.7	7.4	6.4
Campur Cukai import	-41.5	2.5	-21.8	21.6	2.9	12.7
GDP	-7.5	100.0	100.0	4.3	100.0	100.0

¹ termasuk ternakan dan hortikultur

* anggaran


perlombongan dijangka berkurangan sedikit pada kadar 1.2% pada tahun 1999 dengan pengeluaran minyak mentah berkurangan sebanyak 0.9% kepada 712,700 tong sehari sejajar dengan Dasar Penyusutan Negara. Nilai ditambah sektor pembinaan menguncup dengan margin yang lebih kecil iaitu 3.6% pada tahun 1999 (1998 : -23%), berikutan pelaksanaan projek-projek rangsangan fiskal Kerajaan. Sektor perkhidmatan dijangka mencatat pertumbuhan 2.4% (1998 : -0.8%), terutamanya disumbangkan oleh sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan yang dianggarkan berkembang pada kadar 3%, sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran sebanyak 1.5% dan juga perubahan nilai ditambah sektor kecil kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan sebanyak 1% (1998 : -4.3%).

Sektor Perkilangan

Setelah mengalami penguncupan 13.7% pada tahun 1998, nilai ditambah **sektor perkilangan**

dijangka pulih semula dengan mencatatkan pertumbuhan 8.9% pada tahun 1999. Pada keseluruhannya, pemulihan sektor ini lebih meluas bagi kedua-dua industri berorientasikan pasaran eksport dan dalam negeri. Sementara prestasi industri berorientasikan pasaran eksport meningkat dengan nyata oleh permintaan luar negeri yang lebih kukuh khususnya bagi separa konduktor dan komponen elektronik, pemulihan dalam industri berorientasikan pasaran dalam negeri terutamanya industri kelengkapan pengangkutan dan beberapa industri berkaitan dengan pengeluaran bahan pembinaan adalah didorong oleh pakej rangsangan fiskal Kerajaan dan sistem kadar faedah yang rendah.

Pemulihan aktiviti sektor perkilangan yang menggalakkan ini jelas dapat dilihat melalui arah aliran peningkatan Indek Pengeluaran Perkilangan sejak Februari 1999 yang dijangka akan bertambah kukuh dalam tempoh separuh tahun kedua 1999. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, keluaran sektor perkilangan telah mencatatkan pertumbuhan 6.4% berbanding dengan



Jadual 4.2

**Sektor Perkilangan:
Produktiviti Buruh, Upah Purata Benar dan Kos Buruh Seunit Mengikut Industri
(% Perubahan Tahunan Bagi Tempoh Januari-Julai 1999)**

<i>Industri</i>	<i>Produktiviti Buruh</i>	<i>Upah Purata Benar</i>	<i>Kos Buruh Seunit Benar</i>
Sektor perkilangan	0.4	-5.0	-5.4
Elektrik, elektronik dan Jentera	2.8	-8.8	-11.3
Tekstil, pakaian dan kasut	-5.0	9.1	14.9
Kimia, keluaran kimia dan plastik	-9.7	6.1	17.4
Kelengkapan pengangkutan	38.9	-21.5	-43.5

Sumber: Berdasarkan kepada Perangkaan Pembuatan Bulanan, Jabatan Perangkaan.

kemerosotan 7.8% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Lebih-lebih lagi, pengeluaran pada bulan Jun, Julai dan Ogos telah meningkat pada kadar dua angka iaitu 14%, 13.2% dan 17.4% disebabkan terutamanya permintaan luar negeri yang semakin kukuh berikutan pemulihan ekonomi di Asia Timur termasuk rantau ASEAN. Keputusan Kerajaan untuk menetapkan ringgit pada kadar yang kompetitif juga telah mendorong peningkatan jualan di pasaran luar negeri. Oleh demikian, industri berorientasikan pasaran eksport telah meningkatkan pengeluaran sebanyak 4.8% dalam tempoh lapan bulan pertama 1999 (Januari-Ogos 1998: -4.2%), berpunca terutamanya daripada peningkatan dalam pengeluaran elektronik khususnya separa konduktor. Industri berorientasikan pasaran dalam negeri juga menunjukkan pemulihan yang ketara dalam tempoh lapan bulan pertama 1999. Pengeluarannya telah bertambah 8.2% (Januari-Ogos 1998: -11.8%), berpunca terutamanya daripada prestasi yang lebih baik dalam industri keluaran makanan, plastik, besi dan keluli serta kelengkapan pengangkutan. Walau bagaimanapun, pengeluaran industri berkaitan pembinaan seperti industri galian bukan logam masih belum pulih sepenuhnya kerana terjejas oleh kapasiti berlebihan akibat kelembapan kegiatan sektor pembinaan yang ketara.

Dengan kegiatan pengeluaran sektor perkilangan semakin cergas, **hasil jualan** sektor ini terus meningkat 9.1% (Januari-Julai 1998: 10.2%) dalam tempoh tujuh bulan pertama 1999. Nilai jualan yang lebih tinggi ini didorong oleh permintaan luar bagi keluaran elektronik yang kian kukuh dan jualan kereta penumpang dalam negeri yang meningkat. Seajar dengan pemulihan ini, jumlah **upah** juga meningkat sungguhpun pada kadar yang kecil iaitu 3.3% (Januari-Julai 1998: 2.3%). Peningkatan upah ini agak perlahan daripada pertambahan hasil jualan. Oleh itu, kos upah purata benar bagi setiap pekerja terus jatuh 5% (Januari-Julai 1998: -10.1%). Sebaliknya, **produktiviti buruh** atau keluaran bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan meningkat kecil sebanyak 0.4% (Januari-Julai 1998: -3.1%) disebabkan kadar peningkatan pengeluaran (4.9%) adalah lebih tinggi daripada pekerjaan (4.3%). Oleh itu, **kos buruh seunit** telah merosot 5.4% (Januari-Julai 1998: -7.2%) berikutan kejatuhan kos buruh seunit dalam industri kelengkapan pengangkutan serta elektrik, elektronik dan jentera. Walau bagaimanapun, industri tekstil dan kimia telah mencatatkan kos buruh seunit yang lebih tinggi dalam tempoh yang sama tahun 1999.

Jadual 4.3
Indeks Pengeluaran Perkilangan Malaysia
1993 = 100

	Wajaran 1993	1998	1999	1999 % Januari-Ogos % perubahan Sumbangan
Perkasasan elektrik, elektronik dan jentera	32.91	-4.8	8.1	37.6
Peralatan profesional dan saintifik Dan ukuran dan kawalan	1.35	2.4	-5.6	0.9
Tekstil dan pakaian	5.58	-5.3	1.8	4.1
Kasut	0.10	-40.4	-17.7	0.03
Keluaran berasaskan kayu (kecuali perabot)	7.70	-9.2	-11.2	4.7
Keluaran berasaskan getah	5.28	7.5	3.8	5.2
Kertas dan produk kertas	1.69	-5.6	6.2	1.4
Makanan, minuman dan tembakau	11.12	-2.4	9.6	9.7
Kimia, keluaran kimia dan plastik	15.47	0.8	10.7	19.9
Penapisan petroleum	1.36	-10.8	-6.4	1.2
Pelbagai produk petroleum dan arang batu	0.41	-12.5	11.1	0.3
Keluaran galian bukan logam	4.22	-22.9	-8.8	3.3
Kaca dan keluaran kaca	0.65	-28.4	9.9	0.5
Keluaran besi dan keluli	3.17	-35.7	29.7	2.7
Keluaran logam bukan ferum	0.82	-5.4	6.6	1.0
Keluaran logam yang dibentuk	4.53	-9.6	-17.1	3.8
Kelengkapan pengangkutan	3.65	-51.8	48.6	3.6
TOTAL	100.00	-7.8	6.4	100.0

Sumber: Berdasarkan Indeks Pengeluaran Perindustrian, Jabatan Perangkaan

Pengeluaran industri **elektrik, elektronik dan jentera** telah mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 8.1% (Januari-Ogos 1998: -4.8%) dalam tempoh lapan bulan pertama 1999 sejajar dengan lonjakan permintaan dunia untuk separa konduktor. Keluaran sektor kecil separa konduktor dan lain-lain elektronik mencatatkan kenaikan yang ketara sebanyak 14.6% (Januari-Ogos 1998: -2.5%), dirangsangkan oleh peningkatan permintaan global untuk pasaran komputer dan peralatan automatik selaras dengan kegigihan pasaran perniagaan untuk melaksanakan pematuhan Y2K. Pengeluaran radio dan televisyen, alat perakam dan pengeluar audio-visual sebaliknya, mencatatkan penurunan 5% (Januari-Ogos 1998: 10.7%) berikutan permintaan pasaran dalam dan luar negeri yang lembap. Pengeluaran industri jentera bukan elektrik termasuk mesin pengiraan dan perakaunan pejabat, jentera

Jadual 4.4
Pengeluaran Keluaran
Elektrik dan Elektronik
(Januari-Julai)

	1998	1999	Perubahan Tahunan (%)
Separa konduktor (juta unit)	5416	5521	1.9
Transistor elektronik (juta unit)	7642	6837	-10.5
Litar bersepadu (juta unit)	6796	7732	13.8
Televisyen ('000 unit)	4685	4388	-6.3
Radio ('000 unit)	18436	17595	-4.6
Penyaman udara bilik ('000 unit)	929	805	-13.3
Peti sejuk isirumah ('000 unit)	120	109	-9.2
Dawai dan kabel bertebat (tan metrik)	50702	42534	-16.1

Sumber: Berdasarkan kepada Perangkaan Pembuatan Bulanan, Jabatan Perangkaan.

penyejuk, ekzos, pembersih udara dan penyaman udara, terus merosot 14.6% (Januari-Ogos 1998: -32.4%). Kemerosotan ini disebabkan terutamanya oleh penguncupan kegiatan pengeluaran penyaman udara bilik dan peti sejuk isirumah.

Pengeluaran industri **tekstil dan pakaian** berkembang 1.8% dalam tempoh lapan bulan pertama 1999 (Januari-Ogos 1998: -5.3%). Ini adalah berpunca daripada peningkatan 7.5% (Januari-Ogos 1998: -28.7%) ke atas kegiatan memintal dan menenun serabut asli berikutan daripada permintaan pasaran dalam dan luar negeri yang bertambah baik serta harga kapas import yang lebih murah. Pengeluaran sektor kecil pakaian pula mencatatkan pertumbuhan yang stabil sebanyak 3.1% (Januari-Ogos 1998: 0.8%) berikutan pesanan jualan yang meningkat daripada Amerika Syarikat dan Eropah. Sungguhpun terdapat tanda-tanda pemulihan, kemajuan industri ini seterusnya adalah bergantung kepada sejauh mana kebolehan pengilang-pengilang Malaysia menghadapi persaingan antarabangsa yang semakin sengit berikutan dengan kejatuhan harga dan lebihan kapasiti yang dialami oleh industri ini di Asia.

Pengeluaran industri **keluaran kayu** terus merosot 11.2% (Januari-Ogos 1998: -9.2%) dalam tempoh lapan bulan pertama 1999. Pengeluaran yang lebih rendah ini disebabkan oleh permintaan pasaran luar negeri yang lembap dan kegiatan sektor pembinaan yang menguncup. Prestasi ini di cerminkan oleh kejatuhan pengeluaran papan lapis, papan gentian keras dan papan serbuk yang lebih rendah pada kadar 3.7% (Januari-Ogos 1998: -17.2%). Pengeluaran kayu bergergaji juga telah menurun dengan ketara sebanyak 26% (Januari-Ogos 1998: 12%) disebabkan oleh bekalan kayu balak yang terhad.

Dengan permintaan pasaran luar negeri yang stabil, pengeluaran industri **keluaran getah** terus meningkat 3.8% (Januari-Ogos 1998: 7.5%) dalam tempoh lapan bulan pertama 1999. Ini disebabkan oleh permintaan sarung tangan getah di pasaran luar negara yang kian kukuh dengan pengeluarannya meningkat 5.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1999 manakala *catheter* sebanyak 13.1%. Prestasi sektor kecil tayar dan tiub getah telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan sungguhpun pengeluarannya merosot 0.8% (Januari-Ogos 1998: -9.3%) disebabkan sebahagiannya oleh kenaikan permintaan bagi pasaran kereta penumpang.

Jadual 4.5

**Kadar Pertumbuhan Sektor Kecil
Perkilangan Makanan Terpilih (%)**

	1998	1999
	Januari-Ogos	
Kilang beras	1.5	1.2
Keluaran tenusu	-6.8	1.1
Kilang biskut	-15.0	8.9
Ikan, krutasia dan makanan seumpamanya	5.6	-8.3
Kilang tepung	-1.2	10.8
Kilang gula dan penapisan gula	-7.8	12.1
Koko, coklat dan manisan	-1.0	4.1
Makanan binatang	4.1	9.4
Keluaran makanan lain	18.3	0.1

Sumber: Jabatan Perangkaan.

Sejajar dengan peningkatan pendapatan boleh guna, pengeluaran sektor kecil **makanan, minuman dan tembakau** meningkat 9.6% (Januari-Ogos 1998: -2.4%) dalam tempoh lapan bulan pertama 1999. Ini adalah disebabkan oleh pengembangan pengeluaran makanan yang meningkat 15.9% (Januari-Ogos 1998: -2.3%) dalam tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, pengeluaran minuman telah jatuh 14.5% (Januari-Ogos 1998: -6.3%) disebabkan oleh penguncupan pengeluaran minuman ringan dan berkarbonat yang mendadak sebanyak 25.3% dalam tempoh yang sama. Pengeluaran tembakau juga merosot 18% (Januari-Ogos 1998: 0.7%) disebabkan penggunaan pasaran dalam negeri yang lebih rendah.

Pengeluaran industri **kimia, keluaran kimia dan plastik** mencatatkan pertumbuhan 10.7% dalam tempoh lapan bulan pertama 1999 (Januari-Ogos 1998: 0.8%). Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh peningkatan pengeluaran gas perindustrian berikutan permintaan dari Jepun dan Korea yang semakin kukuh. Pertumbuhan keseluruhan sektor ini juga disebabkan oleh

peningkatan pengeluaran baja dan racun serangga selaras dengan perluasan penggunaan bahan ini dalam penanaman kelapa sawit serta pertambahan peningkatan pengeluaran dalam cat, varnis dan lakuer. Pengeluaran industri keluaran plastik juga terus meningkat 23.9% (Januari-Ogos 1998: 11.4%) sejajar dengan pengembangan industri makanan dan kenderaan bermotor.

Pengeluaran kilang penapisan **petroleum** sebaliknya terus merosot 6.4% (Januari-Ogos 1998: -10.8%) dalam tempoh lapan bulan pertama 1999. Ini disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah akibat harga petroleum yang lemah. Produk yang paling terjejas ialah keluaran bahan api dengan pengeluarannya merosot 32.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1999 setelah menguncup pada kadar 19.6% dalam tempoh yang sama tahun 1998 manakala diesel menurun 7.4% (Januari-Julai 1998: 11.4%). Pengeluaran minyak tanah bagaimanapun jatuh dengan kadar yang lebih perlahan iaitu -1.2% (Januari-Julai 1998: -7.8%). Prestasi industri automobil yang meningkat dalam beberapa bulan kebelakangan ini dan oleh itu permintaan gasolin telah mendorong meningkatkan pengeluaran gasolin sebanyak 17% (Januari-Julai 1998: -6.2%). Pada masa yang sama, pengeluaran gas asli cecair terus bertambah 6.5% (Januari-Julai 1998: 4.3%).

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, pengeluaran industri **keluaran galian bukan logam** telah merosot 8.8% (Januari-Ogos 1998: -22.9%) disebabkan oleh aktiviti pembinaan yang lembap hingga menjejaskan pengeluaran industri galian bukan logam. Memandangkan beberapa pekilang telah melaksanakan program pembesaran loji sebelum berlakunya kemelesetan ekonomi, kadar penggunaan kapasiti industri simen dianggarkan kurang daripada 50% pada tahun 1999. Pengeluaran simen dan produk konkrit telah menguncup 7% (Januari-Ogos 1998: -36.7%) manakala pengeluaran produk struktur tanah liat seperti jubin seramik dan bata tanah berkurangan 0.8% (Januari-Ogos 1998: -15%). Walau bagaimanapun, pengeluaran industri **kaca dan keluaran kaca** menunjukkan pertumbuhan yang positif selepas suku tahun pertama 1999, sejajar dengan pemulihan dalam sektor automobil. Pengeluarannya telah meningkat 9.9% (Januari-Ogos 1998: -28.4%) dalam tempoh lapan bulan pertama 1999.

Berikutan dengan langkah-langkah untuk mencergaskan projek-projek infrastruktur yang

merupakan sebahagian daripada program rangsangan fiskal Kerajaan, pekilang-pekilang keluaran **besi dan keluli** mula meningkatkan pengeluaran mereka untuk memenuhi permintaan yang meningkat. Peningkatan ini dapat dicerminkan melalui peningkatan pengeluaran besi dan keluli sejak bulan Februari 1999. Dalam tempoh lapan bulan pertama, pengeluaran industri ini telah kembali pulih dengan ketara sebanyak 29.7% (Januari-Ogos 1998: -35.7%). Namun begitu, industri keluaran **logam yang dibentuk** terus terjejas akibat kesan sepenuhnya daripada krisis kewangan memandangkan pengeluarannya telah menguncup 17.1% (Januari-Ogos 1998: -9.6%). Penguncupan ini sebahagiannya berpunca daripada pengurangan permintaan pasaran luar negeri ke atas keluaran logam struktur. Kelembapan permintaan bagi keluaran seperti tin timah dan kotak besi serta keluaran tembaga, piuter dan aluminium juga menjejaskan sektor kecil tersebut.

Pengeluaran industri **kelengkapan pengangkutan** telah mencatatkan peningkatan yang ketara sebanyak 48.6% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999 berbanding dengan kejatuhan 51.8% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Pemulihan ini adalah berikutan dengan peningkatan permintaan dalam negeri untuk pasaran kenderaan bermotor. Jualan kereta penumpang telah melonjak 105.9% (Januari-Ogos 1998: -61.8%) manakala jualan kenderaan perdagangan telah meningkat 61.9% (Januari-Ogos 1998: -81.1%). Permintaan untuk pasaran kenderaan bermotor semakin meningkat sejak bulan April 1998 selepas kelonggaran peraturan sewa-beli dan pengurangan kadar faedah pinjaman serta promosi penjual kereta yang lebih meluas. Di antara tiga komponen utama industri ini, pengeluaran dan pemasangan kereta bermotor mencatatkan peningkatan yang tertinggi sebanyak 75.8% dan diikuti oleh pengeluaran alat ganti dan aksesori yang meningkat 35%. Pengeluaran dan pemasangan motosikal dan skuter, walau bagaimanapun, terus jatuh pada kadar yang rendah sebanyak 3.2% berbanding dengan kejatuhan 42.7% dalam tempoh yang sama tahun 1998.

Sektor Pertanian

Nilai ditambah bagi sektor pertanian yang merangkumi perhutanan, pembalakan dan perikanan dianggarkan meningkat sebanyak 4.6% (1998: -4.5%). Peningkatan yang ketara ini

Jadual 4.6

**Nilai Ditambah dalam Sektor Pertanian,
Perhutanan, Pembalakan
Dan Perikanan
pada Harga Tetap 1987 (RM juta)**

	1997	1998	1999
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	17,961 (0.4)	17,157 (-4.5)	17,946 (4.6)
Tanaman Getah	1,868 (-9.7)	1,697 (-9.1)	1,647 (-2.9)
Tanaman Kelapa Sawit	4,900 (7.8)	4,494 (-8.3)	5,369 (19.5)
Lain-lain pertanian termasuk ternakan.	5,132 (3.6)	5,151 (0.4)	5,142 (-0.2)
Perhutanan dan pembalakan	3,932 (-7.5)	3,674 (-6.6)	3,622 (-1.3)
Perikanan	2,129 (2.9)	2,141 (0.5)	2,162 (1.0)


disebabkan pertambahan dalam pengeluaran minyak kelapa sawit, setelah tanaman kelapa sawit pulih daripada pelawasan biologi, keadaan cuaca yang bertambah baik, peningkatan keluasan tanaman yang telah matang dan kenaikan kadar perahan minyak. Pengeluaran daripada perikanan, koko dan lada hitam yang meningkat juga menyumbang kepada prestasi yang baik di sektor ini. Oleh yang demikian, sumbangan pertanian kepada pertumbuhan KDNK meningkat 10.1% daripada penguncupan 5.4% dicatatkan pada tahun 1998.

Minyak Kelapa Sawit dan Minyak Isirong Kelapa Sawit

Nilai ditambah bagi minyak kelapa sawit dijangka meningkat sebanyak 19.5% kepada RM5,369 juta (1998: RM4,494 juta) sejajar dengan peningkatan dalam pengeluaran minyak kelapa sawit. Pertambahan keluasan matang terutama di Sabah dan Serawak masing-masing sebanyak 150,000 hektar dan 130,000 hektar dan kenaikan hasil purata setan metrik bagi tandan buah segar,

Carta 4.2

**Nilai Ditambah Bagi Sektor Pertanian, Perikanan
dan Perhutanan Pada Harga Tetap 1987
(perubahan peratus tahunan)**



pengeluaran minyak kelapa sawit di jangka meningkat 19.4% atau 9.93 juta tan metrik pada tahun 1999, selepas mencatatkan penguncupan sebanyak 8.3% atau 8.32 juta tan metrik pada tahun 1998. Berikutan dengan pertambahan keluasan berhasil tinggi yang matang, hasil purata hasil buah tandan segar boleh meningkat sebanyak 25.2% atau 20 tan metrik sehektar daripada 15.98 tan metrik sehektar pada tahun 1998. Bagi sembilan bulan pertama tahun 1999, pengeluaran minyak kelapa sawit meningkat 23.4% kepada 7.610 juta tan metrik atau 23.4% lebih tinggi daripada yang dihasilkan pada tahun 1998 (Jan – September 1998: 6.166 juta tan metrik).

Jumlah keluasan tanaman bertambah sebanyak 8.4% kepada 3.34 juta hektar pada tahun 1999 berbanding dengan anggaran 3.08 juta hektar pada tahun 1998. Kebanyakan tanaman kelapa sawit masih ditanam di Semenanjung Malaysia (60.1%) dengan Sabah (29.7%) dan selebihnya di Sarawak (10.2%). Sabah, dengan 992,496 hektar (29.7%), Johore, 610,000 hektar (18.3%) dan

Jadual 4.7**Keluasan dan Pengeluaran Minyak Kelapa Sawit**

	1998	% perubahan	1999 ^a	% perubahan
Keluasan tanaman (‘000 hektar)	3,078	9.2	3,338	8.4
Keluasan matang (‘000 hektar)	2,597	5.8	2,607	0.4
Pengeluaran (‘000 tan metrik)				
Minyak kelapa sawit	8,320	-8.3	9,930	19.4
Minyak isirong kelapa sawit	1,110	-4.6	1,320	18.9
Hasil (tan metrik/hektar)	15.98	-16.3	20.00	25.2

^a Anggaran.

Pahang, 545,000 (16.3%) adalah negeri-negeri utama penanam kelapa sawit. Daripada tambahan 250,000 hektar pada tahun 1999, sejumlah 231,745 hektar atau 92.7% adalah daripada sektor estet.

Selaras dengan pertambahan pengeluaran minyak kelapa sawit, pengeluaran **minyak isirong kelapa sawit** pada tahun 1999 dijangka meningkat sebanyak **18.9%** atau 1.32 juta tan metrik (1998: 1.11 juta tan metrik). Bagi sembilan bulan pertama tahun ini, sebanyak 0.956 juta tan metrik telah dihasilkan, pertambahan sebanyak **18.2%** berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1998 (Jan – September 1998 : 0.809 juta tan metrik).

Usaha P&P terus dilaksanakan untuk menjadikan Malaysia terunggul dalam pengeluaran dan pengeksportan minyak kelapa sawit dan barangannya. Usaha-usaha ini diterajui oleh Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM). Beberapa penemuan oleh PORIM adalah penggunaan dibidang pemakanan dan kosmetik. Penemuan yang ketara dalam bidang pemakanan ialah ais krim tanpa susu dimana barangan tanpa lemak daripada minyak kelapa sawit digunakan sebagai pengganti kepada lemak susu dan penghasilan pepejal lemak tanpa susu.

Di bidang kosmetik, barangan yang menggunakan gabungan teknologi *encapsulation* untuk menghasilkan gel yang jernih dengan vitamin E dan A telah di temui. Melalui penggunaan susu kambing yang bermutu tinggi, PORIM dengan kerjasama industri yang berkaitan telah mengusahakan kosmetik yang digabungkan diantara susu kambing dengan sabun berasaskan kelapa sawit. Antara barangan keluarannya, termasuk losyen susu kambing dengan vitamin E bagi penggunaan pada kulit kering dan krim susu kambing dengan vitamin E bagi kulit biasa.

Satu lagi penemuan PORIM ialah derivatif baru yang dinamakan lemak asid dihidroxi (DHFA) daripada minyak kelapa sawit. Ia berpotensi komersil yang luas bagi keluaran makanan dan bukan makanan. Sebagai contoh, penggunaan bagi minyak kastor, bahan permulaan untuk dibuat pengemulis dan permukaan yang licin bagi sabun pencuci. Ia juga boleh digunakan sebagai pengganti bagi minyak kastor seperti penghasilan gincu bibir bagi melanjutkan hayatnya dan juga sebagai pembeku yang digunakan dalam minyak masak.

Kayu Kayan

Pengeluaran kayu balak pada tahun 1999 dijangka menunjukkan penguncupan kecil sebanyak 1.3% berbanding dengan penguncupan mendadak sebanyak 30.5% pada tahun 1998. Pengeluaran kayu balak daripada Sabah dan Semenanjung Malaysia akan menjadi lebih rendah masing-masing sebanyak 43% dan 5%. Sebaliknya, pengeluaran di Sarawak boleh meningkat sebanyak 19.6% kepada 13.5 juta meter padu. Pengeluaran kayu balak daripada Sabah dan Semenanjung Malaysia telah beransur menurun pada tahun tahun kebelakang ini sejajar dengan dasar pengurusan **pengekalan hutan**. Untuk mengekalkan kawasan hutan, Kerajaan Negeri Sarawak telah menanam semula dengan pelbagai spesis kayu yang cepat tumbuh dengan kerjasama sektor swasta. Bagi enam bulan pertama tahun 1999, pengeluaran kayu balak diketiga tiga kawasan menurun sebanyak **13%** atau 11.02 juta meter padu berbanding dengan penurunan sebanyak 28.5% pada tahun 1998. Oleh itu, nilai ditambah bagi sektor perhutanan pada harga tetap 1987 dijangka menurun kepada RM3,626 juta atau -1.3% pada tahun 1999 (1998: RM3,674 juta).

Getah

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, pengeluaran getah merosot sebanyak 5.4% kepada 530,035 tan metrik berbanding dengan 560,550 tan metrik yang dihasilkan pada tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, disebabkan harga getah yang kurang menarik, kekurangan tenaga kerja dan berkurangnya keluasan getah, pengeluaran dijangka menguncup sebanyak 3% kepada 859,126 tan metrik pada tahun 1999 (1998: 885,697 tan metrik). Memandangkan ini, nilai ditambah bagi getah akan menguncup sebanyak 3% kepada RM1,647 juta dalam harga tetap.

Pada tahun 1999, jumlah keluasan tanaman getah ialah seluas 1.52 juta hektar, (1998: 1.56 juta hektar) yang mana kebanyakan (87.8% atau 1.34 juta hektar) adalah kebun kecil dan selebihnya ialah estet. Penukaran keluasan getah berterusan. Pada tahun 1999, seluas 24,000 hektar keluasan tanaman getah dijangka akan di tukar kepada kegunaan lain seperti tanaman kelapa sawit dan perumahan.

Institut Penyelidikan Getah Malaysia (IPGM) semenjak 1998 telah memperkenalkan 15 klon getah baru dengan potensi hasil yang tinggi. Lapan daripada klon ini mempunyai hasil latek dan kayu kayan yang tinggi.

Lain-lain Pertanian, Ternakan dan Perikanan

Nilai ditambah bagi lain-lain pertanian, ternakan dan perikanan dijangka merosot sedikit kepada RM5,142 juta atau -0.2% (1998: RM5,151 juta). Pengeluaran ternakan dijangka merosot sebanyak 3.5% disebabkan kejatuhan pengeluaran khinzir daripada 202,237 tan metrik kepada 189,294 tan metrik. Pada awal tahun 1999, sebahagian populasi ternakan khinzir terpaksa dihapuskan dan ladangnya dimusnahkan akibat *Japanese Encephalitis* (JE) dan virus Nipah. Pengeluaran yang rendah bagi ayam daging sebanyak 3.2% kepada 589,190 tan metrik (1998: 608,670 tan metrik) adalah untuk menaikkan harga yang telah jatuh juga penyumbang kepada penurunan pengeluaran ternakan. Walau bagaimanapun, pengeluaran daging lembu dan daging kambing meningkat masing-masing sebanyak 8.5% dan 5.2%.

Jadual 4.8

Pengeluaran, Hasil dan Keluasan Getah

	1998	% perubahan	1999*	% perubahan
Jumlah keluasan ('000 hektar)	1,564.9	-4.1	1,524.3	-2.6
Kebun kecil	1,372.7	-3.2	1,336.1	-2.7
Estet	195.2	-10.3	188.2	-3.6
Hasil (kg sehektar)				
Kebun kecil	960	-0.5	970	1.0
Estet	1,224	9.5	1,211	-1.1
Jumlah Pengeluaran ('000 tan metrik)	886	-8.8	859	-3.0
Kebun kecil	687	-9.1	674	-1.8
Estet	199	-7.9	185	-7.0
% daripada pengeluaran dunia	13.5		12.9	

* Anggaran

Sumber: Kementerian Perusahaan Utama dan Jabatan Perangkaan.

Pengeluaran koko dijangka meningkat sebanyak 2% daripada 90,186 tan metrik pada tahun 1998 kepada 92,000 tan metrik pada tahun 1999 akibat kesan kelewatan *El Nino* yang dialami pada tahun 1998. Walau bagaimanapun, penghasilan yang lebih tinggi dijangka pada tahun 2000 hasil pemulihan pokok koko. Lembaga Koko Malaysia terus berusaha dalam P&P dengan memperbaiki produktiviti dan mengurangkan kos mengawal pembaziran daripada penyakit.

Pengeluaran lada pada tahun 1999 dijangka meningkat sebanyak 10.6% kepada 21,050 tan metrik (1998: 19,040 tan metrik), ekoran daripada pertambahan seribu hektar kepada 12,069 hektar dan penyelenggaraan ladang yang bertambah baik berikutan harga lada yang memberangsangkan. Pengeluaran padi dijangka meningkat sebanyak 8.7% kepada 2.103 juta tan metrik (1998: 1.934 juta tan metrik) hasil daripada pertambahan purata penghasilan sehektar daripada 3.2 tan metrik sehektar pada tahun 1998 kepada 3.6 tan metrik sehektar pada tahun 1999.

Jadual 4.9

**Pengeluaran Lain-lain Pertanian
Ternakan dan Perikanan
(‘000 tan metrik)**

	1998	% perubahan	1999 ^a	% perubahan
Padi	1,934.5	-9.2	2,103.0	8.7
Koko	90.2	-14.9	92.0	2.0
Lada	19.0	18.5	21.1	10.6
Nanas	133.0	11.0	138.0	3.8
Tembakau ¹	95.9	-3.7	80.0	-16.6
Buah-buahan ²	1,135.0	-3.3	1,180.0	4.0
Perikanan ³	1,346.9	5.5	1,360.7	1.0
Ternakan ⁴	829.4	-7.3	800.5	-3.5

¹ Daun tembakau hijau

² Termasuk buah-buahan utama seperti durian, belimbing, jambu, rambutan, mangis, pisang dan betik.

³ Pendaratan ikan laut sahaja.

⁴ Termasuk daging, ayam, khinzir dan kambing.

^a Anggaran

Sumber: Kementerian Pertanian dan Kementerian Perusahaan Utama.

Pendaratan ikan dijangka meningkat sebanyak 0.8% kepada 1.22 juta tan metrik (1998: 1.21 juta tan metrik) dan tangkapan daripada akuakultur bertambah sebanyak 3.9% kepada 138,236 tan metrik (1998: 133,062 tan metrik). Jumlah ikan yang ditangkap dijangka sebanyak 1.36 juta tan metrik atau 1% peningkatan (1998: 1.346 juta tan metrik). Beberapa langkah telah diambil oleh Jabatan Perikanan untuk meningkatkan kapasiti industri ini. Ini termasuk membina lebih banyak kawasan tukun tiruan, mengeluarkan lebih banyak lesen penakapan ikan, meningkatkan teknologi dan menyatukan nelayan kecil-kecilan menjadikan kumpulan yang lebih besar yang diterajui syarikat yang kukuh. Mengenalpasti kawasan yang sesuai untuk kolam akuakultur, membina lebih banyak kolam pembenihan bagi menarik dan membantu

syarikat persendirian dalam melaksanakan pembangunan industri akuakultur dan mengeluarkan panduan pengurusan bagi pembiak ikan adalah langkah-langkah lain yang diambil bagi mengembangkan industri ini.

Sektor Perlombongan

Nilai ditambah bagi **sektor perlombongan** dijangka menguncup pada harga tetap sebanyak 1.2% (1998: 1.8%) disebabkan pengeluaran petroleum mentah yang rendah sejajar dengan Jadual Pengeluaran Petroleum PETRONAS. Walaupun, permintaan tempatan bagi gas asli meningkat, pengeluarannya dijangka menurun akibat permintaan gas asli cecair (LNG) luar negeri yang lembab pada setengah tahun 1999. Pengeluaran timah, walau bagaimanapun, dijangka meningkat memandangkan harganya yang menarik. Oleh itu, sumbangan sektor perlombongan kepada KDNK dijangka pada paras 7.6% (1998: 8.1%).

Petroleum Mentah dan Gas

Dalam sembilan bulan pertama tahun 1999, pengeluaran **petroleum mentah** menurun sebanyak 3.2% kepada 697,750 tong sehari (tsh) (Januari – September 1998: 720,801 tsh). Pengeluaran yang rendah disebabkan penutupan sementara dua telaga minyak sebuah di Sabah dan satu lagi di Sarawak untuk penyelenggaraan. Oleh itu, bagi keseluruhan tahun 1999, pengeluaran petroleum mentah dijangka pada 712,700 tsh atau penurunan sebanyak 0.9% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1998 (719,400 tsh). Semenanjung Malaysia dijangka menyumbang sebanyak 60.4% atau 430,800 tsh, Sarawak 197,100 tsh dan Sabah 84,800 tsh. Dari segi aktiviti eksplorasi, dua telaga minyak telah ditemui di Semenanjung Malaysia dan Sabah dalam tempoh Januari hingga Jun 1999. Sehingga kini, 76,180 kilometer data sesemik telah diperolehi dengan 15 telaga eksplorasi minyak dirancang bagi eksplorasi dan pembangunan. Usaha untuk menambahkan lagi rezab petroleum Malaysia termasuk memperolehi data yang berteknologi tinggi daripada kawasan eksplorasi bagi meningkatkan potensi menemui hidrokarbon dikawasan berkenaan, mempercepatkan aktiviti eksplorasi

Jadual 4.10

**Nilai Ditambah bagi Sektor Perlombongan
pada harga tetap 1987
(RM juta)**

	1997	1998	1999 ^a
Sektor Perlombongan	14,454 (2.9)	14,719 (1.8)	14,542 (-1.2)
Petroleum mentah & gas asli	13,683 (2.5)	14,094 (3.0)	13,876 (-1.5)
Lain-lain perlombongan	771 (11.9)	625 (-19.0)	666 (6.6)

^a Anggaran

() Merujuk kepada peratus perubahan tahunan

Jadual 4.11

**Pengeluaran Petroleum Mentah
dan Gas**

	1998	% perubahan	1999 ^a	% perubahan
Petroleum mentah (tsh) ¹	719,400	0.8	712,700	-0.9
Gas asli (jmp/h) ²	4,140	7.2	3,975	-4.0

¹ Termasuk kondensat.

² Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula.

^a Anggaran.

Sumber: PETRONAS


di kawasan lautan dalam yang melebihi 200 meter, membuat penyelidikan bagi menambah lagi dan meningkatkan pemulihan petroleum daripada telaga yang sedia ada dan mengkaji potensi hidrokarbon di daratan di Sabah dan Sarawak.

Dalam sembilan bulan pertama tahun ini, pengeluaran **gas** asli menurun sebanyak 4.6% (996,389 juta meter padu) berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1998 (Januari – September 1998: 1,044,171 juta meter padu). Ini disebabkan permintaan yang lembab bagi gas asli cecair (LNG) daripada negara pengimport seperti Jepun dan Korea Selatan yang mengalami krisis ekonomi. Walau bagaimanapun, sedikit peningkatan permintaan gas asli cecair daripada negara-negara ini dijangka pada setengah tahun kedua, ekoran pemulihan ekonomi. Oleh itu pengeluaran gas asli bagi keseluruhan tahun dijangka menunjukkan penurunan yang lebih kecil sebanyak 4% kepada 3,975 juta meter padu sehari (1998: 4,140 juta meter padu sehari).

Timah

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, pengeluaran **timah** meningkat sebanyak 25.6% kepada 4,744 tan metrik (Januari – Ogos 1998:

Carta 4.3
Nilai Ditambah Bagi Sektor Perlombongan
Pada Harga Tetap 1987
(perubahan peratus tahunan)



Jadual 4.12

**Pengeluaran, Bilangan Lombong dan
Pekerjaan
Di Industri Perlombongan Timah**

	1998	% perubahan	1999 ^a	% perubahan
Pengeluaran (‘000 tan metrik)	5,756	13.6	7,000	21.6
Bilangan lombong*	35	0.0	43	22.9
Kapal korek*	1	-66.7	1	0.0
Pam kelikir*	20	5.3	27	35.0
Lombong dedah*	14	1.6	15	7.1
Bilangan pekerja*	1,269	-31.0	1,413	11.3

* Sehingga akhir Jun

^a Anggaran.

Sumber: Kementerian Perusahaan Utama.

3,777 tan metrik). Harga timah yang menarik, purata antara RM19.00 hingga RM21.00 sekilogram telah menggalakkan pengeluaran timah. Pada tahun 1998 sahaja, 12 lombong baru telah beroperasi sementara pada tahun 1999 pertambahan lima lombong baru telah beroperasi. Dalam menyahut harga timah yang menarik, lombong yang sedia ada telah meningkatkan pengeluarannya. Bagi keseluruhan tahun, pengeluaran timah dijangka meningkat sebanyak 21.6% atau 7,000 tan metrik (1998: 5,756 tan metrik).

Sektor Pembinaan

Aktiviti sektor pembinaan kurang cergas terutamanya disebabkan oleh lebihan stok yang tidak dapat dijual bagi bangunan perniagaan bertingkat tinggi yang menawarkan ruang pejabat dan ruang niaga serta kondominium mewah. Walau bagaimanapun, oleh kerana kerja-kerja kejuruteraan sivil yang lebih meluas beserta pelaksanaan projek-projek kerajaan serta

permulaan pembinaan yang tinggi bagi projek-projek perumahan kos rendah dan sederhana, nilai ditambah sektor pembinaan merosot dengan margin yang lebih kecil iaitu 3.6% pada tahun 1999 berbanding kemerosotan 23% pada tahun 1998. Jumlah dan nilai pindah milik unit kediaman mencatat peningkatan ketara. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1999, bilangan pindah milik meningkat sebanyak 20.2% kepada 76,410 pindah milik dengan nilai meningkat sebanyak 26% kepada RM9.2 bilion (Januari – Jun 1998 : 63,753 pindah milik bernilai RM7.3 bilion). Peningkatan ini, sebahagiannya merupakan hasil usaha Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia dan Kerajaan melancarkan Kempen Pemilikan Rumah di antara 12 Disember 1998 hingga 12 Januari 1999. Sepanjang tempoh kempen, pembeli diberi insentif-insentif tertentu seperti pengecualian cukai setem dan kos pinjaman yang lebih rendah. Langkah BNM melonggarkan garis panduan pinjaman pada bulan September 1998 untuk pembelian rumah berharga RM250,000 dan ke bawah, juga menggalakkan permintaan dan pembinaan rumah kos rendah dan sederhana. Bilangan rumah berkenaan yang disiapkan dalam separuh pertama tahun 1999 meningkat 29.4% kepada 66,430 unit berbanding 51,339 unit dalam separuh kedua tahun 1998. Rumah yang mula dibina meningkat 49.5% daripada 56,604 unit kepada 84,639 unit dalam tempoh yang sama. Dua pertiga daripada 84,639 unit rumah yang mula dibina, adalah harga murah dan sederhana, dengan rumah kos rendah dan rumah pangsa berjumlah 36.1% (30,587 unit) dan rumah teres kos sederhana 31.1% (26,329 unit). Ini selari dengan 29.9% unit diluluskan untuk dibina dalam separuh pertama tahun 1999 untuk pembangunan unit berharga RM60,000 – RM100,000. Sebaliknya, unit yang diluluskan untuk rumah berharga melebihi RM100,000 merosot sebanyak 26.2% kepada 24,182 unit di antara Januari – Jun 1999, berbanding dengan 32,787 dalam tempoh yang sama tahun 1998. Ini menunjukkan permintaan yang terus lemah bagi harta tanah kediaman berharga tinggi dalam tempoh tersebut.

Peningkatan aktiviti pembinaan rumah kos rendah dan sederhana yang kukuh mencerminkan penekanan dasar Kerajaan bagi menyediakan keperluan rumah yang mencukupi dan mampu dimiliki terutamanya untuk golongan berpendapatan rendah melalui berbagai tabung dan skim. Peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta telah disediakan pada bulan November 1998 di bawah

Tabung Perumahan Untuk Rakyat Termiskin sebanyak RM600 juta, untuk menyediakan rumah kos rendah tambahan termasuk di kawasan estet. Sehingga Ogos 1999, 19 projek telah disiapkan manakala 8 projek sedang dibina. Di bawah Tabung Untuk Mempercepatkan Pembinaan Rumah Kos Rendah sebanyak RM500 juta, 47 projek telah disiapkan, sementara 16 projek masih dalam berbagai peringkat pembinaan. Sehingga Ogos 1999, sejumlah RM297.5 juta telah dikeluarkan daripada tabung ini kepada pemaju. Di bawah Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah, 75,132 unit rumah termasuk kos sederhana dan tinggi akan dibina pada tahun 1999 yang mana 2,223 unit telah disiapkan, manakala 12,923 unit lagi sedang dalam berbagai peringkat pembinaan. Pembinaan rumah kos rendah juga dilaksanakan oleh berbagai Kerajaan negeri. Penyediaan rumah kos rendah di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah dipergiatkan. Sehingga Ogos 1999, kira-kira 15,440 unit telah disiapkan dan sejumlah 24,261 unit lagi berada dalam berbagai peringkat pembinaan.

Stok yang tinggi bagi harta tanah kediaman berharga tinggi telah mendorong pemaju untuk menjual pada harga yang lebih rendah untuk menghabiskan stok, mengurangkan kemampuan sebahagian dari pembeli untuk membeli harta tanah yang berharga tinggi dan pemaju telah mengalih perhatian untuk membangun rumah kos rendah dan sederhana. Keadaan ini juga telah mempengaruhi harga harta tanah kediaman. Indeks Harga Rumah Malaysia telah merosot pada kadar tahunan 12% dalam separuh pertama tahun 1999, berbanding tempoh yang sama tahun 1998. Indeks harga untuk rumah sesebuah mencatatkan kemerosotan yang paling tinggi iaitu 13.4% diikuti oleh rumah berkembar (-10.9%), rumah teres (-7.8%), sementara unit bertingkat tinggi merosot sebanyak 5%. Mengikut kawasan pula, indeks harga untuk lima kawasan pertumbuhan iaitu Ipoh-Kinta dan Seremban-Sepang mencatat peningkatan 7% dan 1.4%, manakala Lembah Kelang, Johor Bahru dan Pulau Pinang masing-masing mencatatkan kejatuhan sebanyak 10.2%, 8.7% dan 8.2%.

Bagi sektor bukan kediaman, aktiviti pembinaan ruang pejabat dan ruang niaga masih kurang cergas, memandangkan terdapat lebih penawaran bagi harta tanah jenis ini dipengaruhi pembinaan yang berlebihan beberapa tahun kebelakangan ini, termasuk kekurangan

permintaan. Dianggarkan stok ruang pejabat di seluruh negara berjumlah 9.38 juta meter persegi (m.p), yang mana 7.3 juta m.p telah diduduki pada akhir Jun 1999. Manakala 3.7 juta m.p ruang pejabat lagi sedang dibina. Berikutan lebih penawaran, harga dan sewa ruang pejabat telah berkurangan dengan ketara di kebanyakan bandar-bandar utama. Di Kuala Lumpur, paras sewaan telah jatuh sebanyak 10% sehingga 33% dalam separuh pertama tahun 1999 berbanding Januari hingga Jun 1998. Kadar sewaan semasa di antara RM19 hingga RM65 m.p. sebulan. Bagi keseluruhan negara, kadar penginapan purata berkurangan kepada 78.2% pada akhir Jun 1999 berbanding 82.5% pada akhir Jun 1998.

Pindah milik ruang niaga di **kompleks perniagaan** umumnya masih kurang aktif. Jumlah ruang niaga meningkat kepada 5.2 juta m.p di seluruh negara disebabkan oleh 372,300 m.p. ruang niaga siap dibina dalam tempoh separuh pertama tahun 1999. Tambahan 2.2 juta m.p bersih luas lantai dijangka akan menambah ruang niaga sedia ada apabila projek-projek dalam pembinaan pada masa ini akan disiapkan dalam tempoh dua tahun akan datang. Harga harta tanah ini jatuh di antara 10% hingga 20% di Kuala Lumpur, 17% di Ipoh dan 30% di Johor Bahru. Aktiviti harta ruang niaga di kawasan pinggir bandar meningkat sedikit, sementara pindah milik dan aktiviti penyewaan terus lemah. Oleh itu aktiviti pembinaan ruang niaga umumnya merosot. Kadar penghunian juga berkurangan di bandar-bandar utama di seluruh negara. Walau bagaimanapun, di beberapa negeri seperti Selangor, Perak, Pahang dan Kedah, kadar penghunian lebih tinggi. Purata kadar penghunian di seluruh negara meningkat kepada 70.9% pada akhir bulan Jun 1999 berbanding 66.2% pada akhir tahun 1998 berikutan pemulihan ekonomi.

Meskipun sektor harta tanah secara umumnya lemah, namun masih terdapat permintaan untuk unit industri baru. Di Selangor, sebanyak 4,608 unit lagi dilancarkan pada tahun ini. Pembangunan industri kebanyakannya bertumpu di kawasan-kawasan pembangunan baru seperti Puchong, Kapar, Serendah, Cheras dan Kajang, yang merupakan sebahagian dari pembangunan projek secara besar-besaran. Berasaskan aktiviti-aktiviti sektor industri yang semakin meningkat, jumlah pindah milik di Johor meningkat 6.2% dalam tempoh Januari hingga Jun 1999 berbanding tempoh yang sama tahun 1998.

Sejajar dengan usaha untuk menggalakkan pelancongan, projek-projek pembangunan sektor ini meningkat dengan pesat. Dalam tahun 1999, **97 hotel baru** dijangka mula beroperasi, menjadikan jumlah bilik yang ditawarkan keseluruhannya 130,453 buah. Pada masa ini, kebanyakan hotel besar yang dibina mengandungi lebih dari 100 buah bilik. Daripada 97 buah projek yang dijangka siap pada tahun ini, 76 buah hotel atau 78% terdiri daripada kategori berkenaan. Meskipun jumlah ketibaan pelancong lebih ramai dalam tempoh separuh pertama tahun 1999 iaitu 18.8% kepada 3.2 juta pelancong (Januari – Jun 1998 : 2.7 juta), kadar penginapan hotel masih rendah iaitu pada purata 47.8%.

Aktiviti pembinaan **kejuruteraan sivil** yang dilaksanakan oleh sektor awam terus memberi tumpuan untuk menyediakan dan memperbaiki kemudahan infrastruktur bagi pembangunan sosial seperti sekolah, kemudahan kesihatan, kemudahan luar bandar, kerja-kerja awam seperti jalan, jambatan dan pengangkutan. Kerajaan telah memberi penekanan kepada aktiviti-aktiviti pembinaan ini, setelah mengambil kira sumbangan projek-projek infrastruktur dan utiliti dalam pemulihan ekonomi melalui hubungan dan kesan limpahan. Fokus bagi tahun 1999 ialah ke arah menyiapkan projek-projek infrastruktur yang kritikal seperti Lebuhraya Pantai Baru, Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat, Jalan Raya Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang dan Jalan Masuk ke Pelabuhan Tanjung Pelepas. Keutamaan juga diberikan untuk menyiapkan Seksyen 2 LRT Sistem II dari Pasar Seni ke Gombak, Monorel Kuala Lumpur dan Laluan Ekspres Keretapi (ERL) ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) daripada Pusat Bandar Kuala Lumpur. Penyiapan projek laluan kereta api kawasan bandar akan menyediakan sistem pengangkutan bersepadu di Lembah Kelang manakala penyiapan laluan kereta api ke Terminal Kontena Butterworth Utara dan Pelabuhan Barat Pelabuhan Kelang akan mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan barangan. Begitu juga, untuk meningkatkan kapasiti pelabuhan, beberapa projek telah dilancarkan sementara yang lainnya masih dalam peringkat pembinaan. Projek-projek ini termasuk pembinaan empat dermaga kontena di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor, pengerukan basin di Pelabuhan Kuantan, Pahang dan Jeti Kargo Berbahaya di Pelabuhan Pasir Gudang, Johor.

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan dijangka pulih dengan nilai ditambah dijangka meningkat pada kadar 2.4% pada tahun 1999 (1998 : -0.8%), berikutan pemulihan permintaan agregat untuk perkhidmatan. Perkhidmatan yang disediakan oleh **sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan** dijangka meningkat pada kadar sederhana 3% pada tahun 1999 (1998 : 0.9%). Peningkatan ini didorong oleh industri perkhidmatan pengangkutan laut yang dijangka meningkat berikutan peningkatan dalam aktiviti-aktiviti import dan eksport. Memandangkan 90% daripada perdagangan antarabangsa melalui laut, pelabuhan, perkapalan dan perkhidmatan berkait dengan lautan memainkan peranan penting untuk menyokong perkembangan sektor kecil ini pada tahun ini. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1999, jumlah kargo yang dikendalikan oleh lapan pelabuhan utama di negara ini telah meningkat sebanyak 8.1% kepada 83 bilion muatan berat tan (fwt) (Januari – Julai 1998 : -12.1%), 76.8 juta fwt) sementara kargo kontena meningkat sebanyak 31.6% kepada 2.2 juta unit setara 20 kaki (TEUs) (Januari – Julai 1998 : 0.3%, 1.7 juta TEUs). Di Pelabuhan Kelang, jumlah kargo yang dikendalikan meningkat 32.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1999 (Januari – Julai 1998 : 18.2%).

Nilai ditambah industri perkhidmatan udara juga dijangka meningkat pada tahun 1999 berikutan peningkatan ketibaan pelancong. Ini dicerminkan oleh peningkatan hasil Penerbangan Malaysia Berhad (MAS) sebanyak 4.7 % dalam dalam tempoh tujuh bulan pertama 1999. Hasil yang dikutip oleh MAS daripada pengendalian penumpang meningkat 6.1% kepada RM3.2 bilion (Januari-Julai 1998: 6.3%). Walau bagaimanapun, hasil dari pengangkutan kargo berkurangan sebanyak 2.8% kepada RM569.8 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 1999 (Januari – Julai 1998 : 14.3%) berikutan pengendalian kargo yang berkurangan sebanyak 2.8%. Bagi perkhidmatan pengangkutan keretapi, pertumbuhan terjejas berikutan wujudnya saingan dari jenis pengangkutan yang lain. Justru, hasil penumpang Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM) berkurangan 8.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1999 sementara hasil pengendalian kargo merosot sebanyak 26%. Namun begitu, hasil KTM dijangka meningkat 10% atau RM211.7 juta pada tahun 1999 berbanding RM192.3 juta pada tahun 1998,

Jadual 4.13**Prestasi Sektor Perkhidmatan
Pada Harga Tetap Tahun 1987**

<i>Sektor Kecil</i>	<i>Sumbangan Kepada KDNK (%)</i>		<i>Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)</i>	
	1998	1999*	1998	1999*
Elektrik, Gas dan Air	3.4	3.4	3.0	4.2
Pengangkutan, Penyimpanan dan Perhubungan	8.2	8.1	0.9	3.0
Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran	15.7	15.2	-3.1	1.5
Kewangan, Insurans, Harta Tanah dan Perkhidmatan Perniagaan	12.6	12.2	-4.3	1.0
Perkhidmatan Kerajaan	7.3	7.2	1.8	3.5
Perkhidmatan- Perkhidmatan Lain	8.4	8.4	3.8	4.0
JUMLAH	55.6	54.6	-0.8	2.4
* anggaran				

dipengaruhi penyediaan kemudahan yang semakin meningkat berikutan pembelian lokomotif baru dan perkhidmatan tambahan seperti landasan baru ke Pelabuhan Barat Pelabuhan Kelang dan pembukaan Terminal Kontena Butterworth Utara.

Berkait dengan industri perkhidmatan perhubungan, permintaan untuk perkhidmatan telekomunikasi terus menggalakkan. Bilangan pengguna telefon mudah alih meningkat kepada 2.3 juta pada akhir bulan Julai 1999 berbanding 2.1 juta pada akhir tahun 1998. Perkhidmatan yang disediakan oleh operator telekomunikasi seperti MIMOS melalui perkhidmatan jaring meningkat sebanyak 55.3% kepada 222,730 pelanggan pada akhir bulan Ogos 1999 daripada 143,439 pelanggan pada akhir bulan Ogos 1998. Arah aliran yang sama juga dapat dilihat bagi lain-lain perkhidmatan jaring seperti TM Net, di

mana bilangan langganan meningkat sebanyak 65.5% kepada 364,200 pelanggan pada akhir Ogos 1999 berbanding 220,000 pelanggan pada akhir Ogos 1998. Bilangan pelanggan talian tetap yang dikendalikan oleh Telekom Malaysia Berhad berkurangan 1.8% dalam tempoh lapan bulan pertama 1999 berikutan peningkatan penggunaan telefon mudah alih. Perkhidmatan yang disediakan oleh Pos Malaysia melalui pengendalian surat dan bungkusan dijangka meningkat 1% daripada 1,036.5 juta surat dan bungkusan dalam tahun 1998 kepada 1,050.4 juta surat dan bungkusan dalam tahun 1999.

Nilai ditambah sektor kecil kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka pulih dengan mencatat pertumbuhan 1% dalam tahun 1999 (1998 : -4.3%). Pengukuhan industri perbankan melalui pembelian NPL daripada institusi perbankan oleh Danaharta, permodalan semula Danamodal serta kemajuan dalam penstrukturan semula hutang swasta membolehkan bank-bank menumpukan peranannya kepada aktiviti-aktiviti perantara. Oleh itu, jumlah berlian pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta) meningkat kepada RM424.9 bilion atau 1.2% pada akhir bulan Julai 1999 berbanding RM419.9 bilion pada akhir bulan Julai 1998. Keadaan ini beserta peningkatan aktiviti pasaran sekuriti menyumbang nilai ditambah yang lebih tinggi dalam industri perkhidmatan kewangan. Jumlah saham yang diurusniagakan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dalam tempoh sembilan bulan pertama 1999 meningkat 83.2% kepada 72.9 bilion unit (Januari-September 1998: 39.8 bilion unit), sementara permodalan pasaran meningkat 30% kepada RM487 bilion pada 15 Oktober 1999 (akhir 1998: RM374.52 bilion). Bagi industri perkhidmatan insurans, gabungan pendapatan premium yang diterima oleh industri ini berkembang sebanyak 2.9% kepada RM5.3 bilion dalam separuh pertama tahun 1999 (Januari-Jun 1998: 3.4%). Pertumbuhan terjejas oleh pengurangan yang berterusan dalam pendapatan premium bersih daripada perniagaan insurans am. Walau bagaimanapun, peningkatan kapasiti insurans semula tempatan yang meningkat disebabkan permodalan yang tinggi dari beberapa insurans semula profesional asing yang beroperasi di negara ini telah mengurangkan aliran keluar premium. Premium insurans yang dibawa ke luar negeri berkurangan sebanyak 15.6% daripada RM912.6 juta pada tahun 1997 kepada RM770.7 juta pada tahun 1998. Meskipun sektor harta dalam

proses mengukuh, industri harta tanah telah melaporkan peningkatan ketara dalam permintaan terutamanya harta tanah kediaman, perniagaan dan industri. Jumlah pindah milik harta tanah yang direkodkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1999 meningkat sebanyak 15.3% dengan jumlah pindah milik sebanyak 110,754 (Januari-Jun 1998: 96,085 pindahmilik). Nilai pindah milik berkenaan pula meningkat sebanyak 17.1% kepada RM16.94 bilion (Januari-Jun 1998: RM14.46 bilion).

Permintaan yang tinggi bagi sektor industri dan isirumah dijangka meningkatkan pertumbuhan yang disumbangkan oleh **sektor kecil elektrik, gas dan air** sebanyak 4.2% dalam tahun 1999 (1998: 3%). Penggunaan letrik oleh sektor industri meningkat sebanyak 5.4% dalam tempoh Januari hingga Julai 1999 berbanding penguncupan 0.3% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Untuk memenuhi permintaan yang kian meningkat, Tenaga Nasional Berhad dijangka meningkatkan keupayaan penjanaan letrik pada tahun 1999 sebanyak 7.3% kepada 13,127 mega watt (mw), termasuk melalui pembelian 4,073 mw daripada Pengeluar Tenaga Bebas. Jumlah air yang dibekalkan kepada pengguna dijangka meningkat sebanyak 3% kepada 10,382 juta liter sehari (jlh) pada tahun 1999, daripada 10,080 jlh dalam tahun 1998. Penekanan akan terus diberikan untuk mengembangkan kapasiti bagi memenuhi permintaan yang kian meningkat. Pelaksanaan projek-projek bekalan air yang diluluskan akan dipercepatkan bagi mewujudkan keseimbangan di antara permintaan dan penawaran serta mengurangkan jurang liputan bagi kawasan bandar dan luar bandar.

Sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran yang telah terjejas dengan ketara akibat kelembapan ekonomi, dijangka mengalami perubahan positif pada tahun 1999 dengan pemulihan permintaan dalam negeri. Perkhidmatan yang disediakan oleh hotel dan restoran dijangka semakin berkembang hasil daripada permintaan yang kukuh dan aliran masuk pelancong yang lebih ketara serta peningkatan pendapatan per kapita. Meskipun kadar penginapan hotel terus berkurangan pada kadar 47.8% dalam separuh pertama tahun 1999, beberapa destinasi pelancongan popular, terutamanya di pusat peranginan pergunungan, mencatatkan kadar penginapan hotel yang lebih tinggi iaitu pada purata

Jadual 4.14

Petunjuk-Petunjuk Prestasi Pertumbuhan Untuk Pengangkutan, Penyimpanan, Telekomunikasi, Elektrik dan Bekalan Air (% perubahan tahunan)

	Jan-July 1998	Jan-July 1999
Penerbangan Malaysia		
Hasil Kargo	14.3	-2.8
Hasil Penumpang	6.3	6.1
KTM Berhad		
Hasil Kargo	-7.4	-26.0
Hasil Penumpang	4.9	-8.9
Lapan Pelabuhan Utama		
Pengendalian Kargo	-12.1	8.1
Kargo Kontena	0.3	31.6
Telekom Malaysia Berhad¹		
Pelanggan Perniagaan	5.5	-2.8
Pelanggan Kediaman	11.9	-1.4
Tenaga Nasional Berhad		
Penggunaan Elektrik	7.2	2.7
Penjanaan Letrik ²	-0.8	7.3
Jabatan Kerja Raya		
Penggunaan air	2.3	1.5
Bekalan air ²	2.0	3.0

¹ pada akhir tempoh

² untuk seluruh tahun

Sumber: MAS, KTM, pelbagai pelabuhan, TELEKOM, TNB dan JKR.

64.3%. Mencerminkan prestasi perdagangan borong dan runcit, kutipan cukai jualan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja meningkat sebanyak 5.5% kepada RM2.8 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 1999 (Januari-Ogos 1998: -32.5%). Bagi keseluruhan tahun, nilai ditambah sektor ini dijangka meningkat sebanyak 1.5% (1998: -3.1%).

Sektor kecil **perkhidmatan Kerajaan**, termasuk perkhidmatan awam, pendidikan, kesihatan, pertahanan dan lain-lain dijangka berkembang pada kadar 3.5% pada tahun 1999 berbanding 1.8% pada tahun 1998. Ini mencerminkan kesan rangsangan fiskal serta keperluan untuk mengembangkan perkhidmatan asas kepada penduduk.